

# Panduan untuk Kisah Kejayaan

## Guide for Success Stories

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyalia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

*The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (P1M).*

### Types of Success Story (please tick (\) one)

- Keusahawanan
- Celik ICT / Komuniti Pintar

### Service Provider (please tick (\) one)

- |   |  |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> Telekom Malaysia (TM) | <input type="checkbox"/> Packet 1 (P1) |
| <input type="checkbox"/> Celcom                           | <input type="checkbox"/> Time          |
| <input type="checkbox"/> Maxis                            | <input type="checkbox"/> Redtone       |
| <input type="checkbox"/> Digi                             | <input type="checkbox"/> Danawa        |


ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT			
<b>Maklumat PI1M</b>	<b>Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama		
	<b>Nama Pengurus</b>	Noor Afiqah binti Mohd Rais	<b>No. Telefon</b>	019-6837587
	<b>Nama Penolong Pengurus</b>	Nur Fatin Anisah binti Anis	<b>No. Telefon</b>	011-12033191
	<b>Email</b>	kgbayailama@pi1m.com.my		
<b>Lokasi</b>	<b>Daerah</b>	Jempol	<b>DUN</b>	Serting
	<b>Mukim</b>	Serting Ulu	<b>Parlimen</b>	P127 Jempol
	<b>Negeri</b>	N.Sembilan		

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT			
<b>Maklumat Individu/ Organisasi</b>	<b>Nama</b> Ainul Haqim Bin Mohd Rais	<b>Umur</b> 16 Tahun		
	<b>Email</b> AINULHAQIMRAIS@GMAIL.COM	<b>No. Telefon</b> 013-635 7890		
	<b>Alamat</b> No 80, Kampung Bayai Lama, 72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.	<b>Tahun menjadi Ahli PI1M</b> <b>Ahli PI1M</b>		2016
<b>Bentuk perniagaan</b>	-			
<b>Kisah kejayaan</b>	<p><b>Latar belakang</b>            Ainul Haqim merupakan anak ke tiga daripada empat orang adik beradik. Beliau berumur 16 tahun dan masih belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kikir (Model Khas). Di dalam pendidikan yang kian mencabar kini, pelbagai maklumat tambahan perlu dicari bagi menambah ilmu pengetahuan. Justeru itu, pengetahuan ICT sangat perlu dalam mencari maklumat supaya maklumat yang dicari tersebut bukan dari sumber yang diragukan kesahihannya.</p> <p><b>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</b>            Sebelum menghadiri kelas dan latihan ICT di Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama, Ainul Haqim terpaksa pergi ke <i>cyber café</i> yang terletak di pekan Batu Kikir. Jarak pekan tersebut dari rumah beliau adalah sejauh 18 kilometer. Ditambah pula dengan ketiadaan perkhidmatan pengangkutan awam telah menyukarkan Ainul Haqim untuk pergi ke pekan tersebut. Terdapat dua buah <i>cyber café</i> sahaja di pekan tersebut dan beliau juga terpaksa bersaing untuk menggunakan pc yang disediakan bersama-sama pengguna yang lain kerana pc yang disediakan adalah terhad. Selain itu, suasana <i>cyber café</i> tersebut sangat bising dan disulubungi asap rokok dan amat tidak sesuai untuk pelajar untuk belajar. Selain itu, petugas di <i>cyber café</i> tersebut tidak mesra untuk membantu permasalahan yang dihadapi oleh pengguna. Hal ini amat menyukarkan Ainul Haqim terutamanya untuk menyiapkan kerja kursusnya. Beliau terpaksa menghadapi semua itu sebelum adanya Pusat Internet 1Malaysia</p>			

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Kampung Bayai Lama.</p> <p><b><u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u></b></p> <p>Dengan penubuhan Pusat Internet 1Malaysia Kampung Bayai Lama, segalanya berubah. Selepas mendaftar sebagai ahli, Ainul Haqim telah menghadiri kelas dan latihan ICT yang telah dijalankan di Pusat Internet 1Malaysia ini. Banyak pengetahuan baru yang dapat beliau aplikasikan dalam kehidupan sehariannya terutamanya dalam kerja sekolahnya. Beliau telah mempelajari <i>Microsoft Office word, Power Point</i> dan <i>Excel</i>. Selain itu, beliau juga telah diajar bagaimana ingin memuat turun (<i>download</i>) maklumat-maklumat yang diperlukan. Hal ini juga dapat menjimatkan kos kerana beliau tidak perlu keluar dari kampung untuk menyiapkan kerja beliau. Semuanya berubah dengan adanya pengetahuan ICT kerana maklumat dapat diakses hanya dihujung jari.</p>
<b>Penggunaan PI1M</b>	<p><b><u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempelajari cara untuk memuat turun (<i>download</i>) nota-nota.</li> <li>• Mempelajari perisian <i>Microsoft Office Word, Excel</i> dan <i>Power Point</i> bagi memudahkan kerja sekolah.</li> <li>• Dapat mempelajari cara-cara untuk melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan.</li> </ul> <p><b><u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• PI1M dapat membantu terutamanya untuk mencari dan memuat turun maklumat tambahan.</li> <li>• Memberi kelas tambahan atau kelas-kelas ICT secara percuma kepada ahli berdaftar dan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai teknologi kini yang sangat diperlukan di era serba maju ini.</li> </ul>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT															
Online Platform	<table border="1"> <tr> <td><b>Laman Web</b></td><td>-</td><td><b>Blog</b></td><td>-</td></tr> <tr> <td><b>FB</b></td><td>Ainul Haqim</td><td><b>Instagram</b></td><td>_Ainul</td></tr> <tr> <td><b>Whatsapp</b></td><td>Telefon sendiri</td><td><b>Email</b></td><td>AINULHAQIMRAIS@GMAIL.COM</td></tr> </table>				<b>Laman Web</b>	-	<b>Blog</b>	-	<b>FB</b>	Ainul Haqim	<b>Instagram</b>	_Ainul	<b>Whatsapp</b>	Telefon sendiri	<b>Email</b>	AINULHAQIMRAIS@GMAIL.COM
<b>Laman Web</b>	-	<b>Blog</b>	-													
<b>FB</b>	Ainul Haqim	<b>Instagram</b>	_Ainul													
<b>Whatsapp</b>	Telefon sendiri	<b>Email</b>	AINULHAQIMRAIS@GMAIL.COM													
Gambar & Keterangan	<p>i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawanan yang dihadiri</p>  <p>Caption : Puan Fazilah mempelajari cara-cara penyediaan dokumen dengan menggunakan perisian Microsoft Office Word</p>															

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	 <p>Caption : Puan Fazilah mempelajari cara menggunakan aplikasi <i>Microsoft Office Excel</i> untuk memudahkan urusan perakaunan</p>
	 <p>Caption : Puan Fazilah mempelajari cara melayari laman web, contohnya laman web rasmi Unit Prasekolah Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p><b>ii) Produk / Hasil Transformasi</b></p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Caption : Antara hasil kerja Puan Fazilah setelah meghadiri kelas dan latihan ICT</p>
	<p><b>iii) Lain-lain (contoh : proses penghasilan produk, penglibatan dalam aktiviti lain, dsb)</b></p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Caption : Antara dokumen yang telah berjaya Puan Fazilah hasilkan</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Maklum balas</b>	<p><b>Maklum balas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M</b></p> <p>Selaras dengan usaha murni pihak kerajaan dalam memajukan penduduk di luar bandar terutamanya, PI1M harus diperbanyakkan lagi seluruh Malaysia kerana dapat membantu penduduk di luar bandar khususnya menimba ilmu dan tidak ketinggalan dengan arus modenisasi yang sangat memerlukan ilmu ICT dalam kehidupan sehari-hari.</p> <p>Selain itu, promosi mengenai PI1M juga perlu dipergiatkan supaya dapat menarik minat ramai lagi penduduk setempat untuk berkunjung ke sini untuk mendapatkan kemudahan seperti melayari internet dan perkhidmatan lain yang telah disediakan serta dalam masa yang sama, dapat merapatkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar.</p> <p>Peranan pengurus dan penolong pengurus adalah sangat penting dalam memastikan misi sebenar Pusat Internet 1Malaysia ini dapat dicapai. Mereka perlu meguatkan lagi promosi dan mengadakan pelbagai aktiviti.</p>

**Sila kemukakan laporan ini berlandaskan panduan yang diberikan dan dihantar ke  
Jabatan Komuniti Pintar Digital melalui emel kepada**

**[noor.hidayah@cmc.gov.my](mailto:noor.hidayah@cmc.gov.my)**

**Tarikh Penyerahan Laporan :**

Tempoh data	Penyerahan laporan
<b>Suku Pertama (Jan – Mac)</b>	<b>sebelum 1 April</b>
<b>Suku Kedua (April – Jun)</b>	<b>sebelum 1 Julai</b>
<b>Suku Ketiga (Julai – Sep)</b>	<b>sebelum 1 Oktober</b>
<b>Suku Keempat (Okt – Dis)</b>	<b>sebelum 1 Januari</b>